KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13.06.22	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPSM			

Pahang pastikan habitat flora dan fauna dilindungi

KUANTAN- Sebuah pasukan khas, Renjer Hutan Pahang atau Unit Peronda Hidupan Liar Pahang telah ditubuhkan bagi melindungi hidupan liar di negeri ini.

Unit itu berperanan memantau dan membuat penguatkuasaan ke atas segala kesalahan di bawah Akta Hidupan Liar.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, kerajaan negeri bersama-sama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Pahang juga telah menubuhkan Pusat Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (NTCC) di Kuala Gandah, Lanchang.

Menurutnya, penubuhan NTCC adalah bagi memastikan habitat semua spesies harimau di negeri dan negara ini terus dilindungi daripada sebarang kegiatan yang melanggar undang-undang khususnya aktiviti pemburuan dan penerokaan hutan.



WAN ROSDY

"Kerajaan negeri juga telah menubuhkan Perbadanan Taman Negeri Pahang dan Majlis Biodiversiti Negeri Pahang," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Wan Rosdy berkata, semua inisiatif itu bagi menjunjung titah Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al Mustafa Billah Shah agar setiap projek pembangunan di negeri ini dilaksanakan secara lestari berpandukan konsep Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) seperti mana seruan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah sebelum ini berikrar untuk melaksanakan tanggungjawab dan melakukan usaha terbaik bagi melindungi spesies Harimau Malaya daripada ancaman kepupusan.